

|            |   |             |                     |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline   | BH, TH rangsang pelajar sertai aktiviti kokurikulum |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian                                       |             |                     |
| Date       | 02 Jul 2015   | Color       | Full Color          |
| Section    | Nasional  | Circulation | 125,514             |
| Page No    | 26  | Readership  | 947,000             |
| Language   | Malay   | ArticleSize | 541 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Faizatul Farhana Farush Khan                        | AdValue     | RM 18,577           |
| Frequency  | Daily   | PR Value    | RM 55,731           |



# BH, TH rangsang pelajar sertai aktiviti kokurikulum

» *Jelajah Rakan Sekolah bantu lahir generasi positif*

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan dan Rohana Idris

► Sepang

**B**H meneruskan Jelajah Rakan Sekolah (JRS) BH-Lembaga Tabung Haji (TH) 2015 di Kolej Vokasional Sepang bagi mempromosi Kelab Kewartawanan dan Fotografi di sekolah, iaitu siri kedua program yang dirancang diadakan di 20 sekolah hingga September ini.

Pengarah Kolej Vokasional Sepang, Norhana Mustapha, berkata program disertai lebih 350 pelajar itu bukan saja membantu mempromosi Kelab Kewartawanan dan Fotografi, malah menggalakkan pembabitatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum.

Ia juga, katanya, dapat

membantu sekolah melahirkan generasi muda berkemahiran tinggi, memiliki nilai positif dan mampu bersaing dalam alam pekerjaan, selain diharap menjadi landasan kerjasama antara kolej itu dengan TH dan BH, termasuk menghantar pelajarinya mengikuti latihan industri.

Majlis perasmian program selama empat jam itu turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah TH Wilayah Persekutuan, Abu Shukor Jangga dan Pengarang Pendidikan BH, Fadzlina Jafar.

Sepanjang program berkenaan, pelajar didedahkan dengan ceramah amalan menabung oleh TH dan ceramah motivasi

'Menggapai Aspirasi' oleh Rozie Shaari. Seramai 30 ahli kelab turut mengikuti bengkel Kewartawanan dan Fotografi BH dikendalikan Fadzlina mengenai asas penulisan berita dan penghasilan gambar berkualiti.

## Serah 60 naskhah BH

Di Kota Bharu, TH menyerahkan 60 naskhah BH kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Padang Kala, iaitu antara tujuh sekolah, termasuk sebuah kolej vokasional yang dibekalkan akhbar ini bersama sisipan *Didik, Skor* dan *Minda*, menerusi tajaan TH selama enam bulan.

Majlis dihadiri oleh Pengarah TH Kelantan, Wah-

yudin Tamami dan Pengetua SMK Padang Kala, Zainab Abdullah. Program itu dijalankan sejak tahun 2009, memilih institusi pendidikan berdasarkan peratusan pelajar yang menjadi pendeposit TH serta komitmen sekolah terhadap program dianjurkan TH, khususnya Kelab TaHa.

Berucap pada majlis berkenaan, Zainab berkata, penajaan akhbar BH oleh TH sangat bermakna, terutama kepada 134 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang akan banyak dibantu menerusi sisipan *Skor* dengan penyediaan soalan ulang kaji terkini yang sememangnya digunakan ketika proses penganjuran dan pembelajaran.

|            |   |             |                     |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline   | BH, TH rangsang pelajar sertai aktiviti kokurikulum |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian                                       |             |                     |
| Date       | 02 Jul 2015   | Color       | Full Color          |
| Section    | Nasional  | Circulation | 125,514             |
| Page No    | 26  | Readership  | 947,000             |
| Language   | Malay   | ArticleSize | 541 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Faizatul Farhana Farush Khan                        | AdValue     | RM 18,577           |
| Frequency  | Daily   | PR Value    | RM 55,731           |



Wahyudin (tiga dari kanan) bersama sebahagian pelajar pada **majlis gimik penyerahan 60 naskhah akhbar BH** oleh Lembaga Tabung Haji kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Padang Kala di Kota Bharu, semalam.

[FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR/BH]



Fadzlena, Abu Shukor dan Norhana pada **majlis perasmian program Jelajah Rakan Sekolah BH-Lembaga Tahung Haji (TH) 2015** di Kolej Vokasional Sepang, semalam.

[FOTO SAIFULLIZAN TAMADI/BH]